

Baca petikan dengan teliti. Senaraikan 10 kata majmuk kiasan yang terdapat dalam petikan. Perkataan berwarna ialah contoh kata majmuk kiasan.

Budiman anak kampung yang susah. Namun begitu, dia tidak berasa **rendah diri**. Dia seorang yang ringan tulang. Dia juga ada hati untuk berjaya seperti anak-anak kampung yang lain.

Pada suatu hari, Budiman nekad untuk beradu nasib di luar negara. Dia makan gaji sebagai tukang masak di kapal. Dia menjadikan kerjaya ini sebagai batu loncatan untuk lebih berjaya.

Budiman membanting tulang hingga dapat membuka restoran sendiri di luar negara. Hidangan nasi lemak dan masakan tradisi Malaysia menjadi buah mulut di sana. Walaupun berjaya, beliau tidak bersikap hidung tinggi.

Beliau juga mempersembahkan seni dan budaya Malaysia di restoran. Persembahan itu membuka mata pengunjung tentang keunikan budaya tanah air. Kedengaran juga lagu-lagu asli Melayu sebagai halwa telinga mereka. Warga tempatan bangga dan menerima beliau dengan tangan terbuka.

Sikap beliau yang mesra dan tidak lupa daratan dihormati oleh warga Malaysia di sana. Sebagai anak dagang, beliau sedar bahawa jati diri yang kukuh perlu sentiasa disemai dalam diri.

Kata majmuk kiasan	